



TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA ALUMNI FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
PUAN AKIZA ROSWATI BINTI ABDULLAH

DISEDIAKAN OLEH:

UMAR DOLHAJI BIN ABU BAKAR

(2013552193)

ZUL HELMY BIN NORSAINI

(2013702287)

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,
JOHOR KAMPUS SEGAMAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

SEMESTER 5 (MAC 2015 – JULAI 2015)

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	1
ABSTRAK	2
BIODATA	3 - 5
PENGENALAN	6 - 9
TRANSKRIP WAWANCARA	10 - 97
SENARAI SOALAN	98 - 110
LOG WAWANCARA	111 - 114
KRONOLOGI	115 - 117
RALAT	118
SENARAI RUJUKAN	119
LAMPIRAN	120 - 122
INDEKS	123 - 128

WAWANCARA BERSAMA PUAN AKIZA ROSWATI BINTI ABDULLAH

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Mengasihani

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah. Terlebih dahulu, kami ingin mengucapkan syukur yang tidak terhingga kepada Allah s.w.t yang telah memberi rahmat dan kesihatan yang baik kepada kami dan dengan izin-Nya juga kami dapat menyiapkan tugas berkenaan penulisan transkrip untuk subjek IMR 604 – Dokumentasi Sejarah Lisan yang diberikan ini dengan jayanya pada waktu yang ditetapkan.

Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan yang tidak terhingga pada pensyarah subjek IMR 604 – Dokumentasi Sejarah Lisan, iaitu Encik Mohd Faizal Bin Mohd Ramsi yang begitu sabar mengajar kami sepanjang semester lima ini. Beliau telah memberikan banyak tunjuk ajar, galakan dan maklumat kepada kami bagi menyiapkan tugas ini.

Tidak dilupa juga, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa kami yang disayangi yang telah banyak memberikan sokongan moral, dorongan dan nasihat yang tidak putus-putus dari jauh.

Setinggi-tinggi penghargaan ingin kami tujukan kepada Puan Akiza Roswati binti Abdullah yang menjadi pengkisah dalam penulisan transkrip kami ini. Beliau telah memberikan banyak maklumat dan kerjasama yang begitu baik sekali kepada kami semasa temuduga sekaligus memenuhi keperluan subjek ini. Sesungguhnya kami sangat menghargai jasa beliau dalam membantu kami.

Akhir sekali, sekali lagi kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah, rakan-rakan dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu kami. Allah sahaja yang dapat membalas jasa anda sekalian.

WAWANCARA BERSAMA PUAN AKIZA ROSWATI BINTI ABDULLAH

Transkrip Temubual Bersama Puan Akiza Roswati Binti Abdullah Mengenai Prospek Kerjaya Dan Pencapaian Beliau Sebagai Alumni Fakulti Pengurusan Maklumat

Abstrak: Transkrip ini mengandungi temubual bersama Puan Akiza Roswati Binti Abdullah mengenai prospek pencapaian dan kerjaya beliau sebagai alumni fakulti pengurusan maklumat. Transkrip temubual ini dijalankan di medan selera Ampang Point pada 29 Mei 2015 bermula jam 10.00 pagi dan kemudian bersambung di kediaman beliau di 44 Jalan Bukit Indah 3/13, Taman Bukit Indah, 68000 Ampang, Selangor. Beliau merupakan seorang pustakawan di perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia dan merupakan salah seorang daripada alumni fakulti pengurusan maklumat. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang beliau serta pencapaian dalam kerjaya beliau dan sumbangan beliau dalam Universiti Putra Malaysia. Beliau juga telah menceritakan dengan lebih lanjut tentang pengalaman beliau semasa menjadi pelajar dalam bidang pengurusan maklumat dan beliau juga telah berkongsi pengalaman beliau selepas menjadi alumni dalam fakulti pengurusan maklumat selepas tamat belajar sehingga yang terkini.

WAWANCARA BERSAMA PUAN AKIZA ROSWATI BINTI ABDULLAH

BIODATA ALUMNI



Nama: Akiza Roswati Binti Abdullah

Umur: 41 Tahun

Tarikh Lahir: 2/05/1974

Pekerjaan: Pustakawan

Status: Berkahwin

Nama Suami: Abdul Rahim Bin Hussein

Nama Bapa: Abdullah Bin Haji Ismail

Nama Ibu: I

Latar Belakang Pendidikan: -Pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Balok, Kuantan.

-Peringkat menengah di Sekolah Menengah Paya Besar Kuantan dan berpindah ke Sekolah Menengah Alor Akar, Kuantan.

-Mengambil STPM di Sekolah Menengah Alor Akar Kuantan.

-Ijazah Sarjana Muda Pengajian Maklumat (kepujian) Pengurusan Perpustakaan dan maklumat

-Ijazah Sarjana Sains Pengurusan Maklumat